

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
(KANGAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tuntutan insurans i-BRIM yang telah dituntut sehingga Mac 2014 dan nyatakan pecahan penerimaan berkaitan dengan kes kemalangan atau kematian dan sejauh mana insurans yang diberikan menerusi pemberian BR1M ini difahami oleh penerima bantuan BR1M.

**JAWAPAN**

Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta. Pecahan adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan Tuntutan</b>
Kematian akibat kemalangan (RM30,000)	395
Kematian bukan akibat kemalangan (RM1,000)	4,762
Hilang upaya kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan (RM30,000)	3
Jumlah tuntutan	5,160

Bagi membantu penerima BR1M dapat memahami i-BR1M, pihak Kementerian Kewangan telah mencetak maklumat asas mengenai i-BR1M yang sertakan bersama-sama surat kelulusan BR1M. Satu talian hotline (03-2716 2716) turut disediakan oleh Syarikat Takaful bagi membantu penerima BR1M sekiranya ada persoalan mengenai i-BR1M.